

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

1249/1

SEJARAH

Kertas 1

Nov./Dis.

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.


[Lihat halaman sebelah

1249/1 © 2013 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT



- 1 Gambar 1 berkaitan dengan simbol Yin dan Yang.



Gambar 1

- Apakah maksud simbol tersebut?
- A Mandat dari syurga
 - B Pemujaan roh nenek moyang
 - C Unsur alam yang saling melengkapi
 - D Ramalan peristiwa yang akan berlaku
- 2 Sistem pemerintahan di Mesopotamia berasaskan sistem beraja.
Apakah bentuk sistem beraja tersebut?
- A Oligarki
 - B Demokrasi
 - C Aristokrasi
 - D Teokrasi
- 3 Tokoh berikut telah menyumbang kepada peningkatan tamadun China.

- Lao Tze
- Confucius

Apakah sumbangan mereka?

- A Pengasas ajaran
- B Perancang bandar
- C Mengatur strategi peperangan
- D Menggubal kod undang-undang

- 4 Jadual 1 berkaitan dengan kejayaan seorang tokoh dalam tamadun awal di China.

Tokoh	Kejayaan
Shih Huang Ti	Menyatukan seluruh wilayah kecil di China

Jadual 1

Apakah faktor yang membantu kejayaan tokoh tersebut?

- I Pemerintahan secara autokratik
 - II Penghapusan kuasa bangsawan
 - III Kemajuan perdagangan
 - IV Sokongan rakyat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 5 Raja Indravarman I memerintah kerajaan Angkor mulai tahun 877 Masihi.
Apakah sumbangan baginda terhadap kerajaan Angkor?
- A Menyediakan kemudahan pelabuhan
 - B Memajukan perusahaan perkapalan
 - C Menghapuskan cukai tanaman
 - D Membina takungan air
- 6 Dalam kerajaan awal Asia Tenggara, rakyat biasa takut untuk menderhaka kepada raja.
Mengapakah mereka bersikap demikian?
- A Raja menguasai empayar
 - B Raja menjadi ketua pendeta
 - C Raja adalah bayangan tuhan
 - D Raja memiliki kekuatan tentera

7. Pada 6 Ogos 610 Masihi, bersamaan 17 Ramadhan, Nabi Muhammad SAW menerima wahyu yang pertama.

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Penyebaran agama Islam
- B Kemunculan kerajaan baharu Islam
- C Penentangan orang Arab Quraisy terhadap Islam
- D Pemisahan antara Zaman Jahiliah dengan Zaman Islam

8 Maklumat berikut berkaitan dengan kehidupan masyarakat Arab pada Zaman Jahiliah.

- Menyembah berhala
- Menanam bayi perempuan yang baru lahir
- X

Apakah X?

- A Membina petempatan kekal
 - B Mahir membina sistem pengairan
 - C Mengamalkan semangat assabiah
 - D Mempunyai susun lapis masyarakat
- 9 Rajah 1 menunjukkan syarat Perjanjian Hudaibiyah yang ditandatangani antara Nabi Muhammad SAW dengan masyarakat Quraisy Makkah pada tahun 628 Masihi (6 Hijrah).



Rajah 1

Apakah kesan perjanjian tersebut?

- A Penghijrahan penduduk berkurangan
- B Pertambahan wilayah jajahan
- C Perluasan penyebaran Islam
- D Pengukuhan angkatan tentera

10 Orientalis Barat menganggap hijrah Nabi Muhammad SAW dan umat Islam dari Makkah ke Madinah sebagai pelarian.

Apakah alasan untuk menyangkal anggapan tersebut?

- I Diberi sambutan meriah
 - II Dijemput penduduk tempatan
 - III Galakan oleh pemimpin Quraisy
 - IV Mendapat bantuan masyarakat Arab
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11 Bagaimanakah Khalifah Uthman bin Affan r.a. berjaya meluaskan wilayah Islam?

- A Semangat jihad dipupuk
- B Armada laut diperkukuh
- C Perkahwinan politik digalakkan
- D Perjanjian dengan pemimpin tempatan dimeterai


12 Kerajaan Islam berikut mempunyai pengaruh terhadap kerajaan Islam di Asia Tenggara.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Abbasiyah• Turki Uthmaniyah |
|--|

Apakah pengaruh tersebut?

- A Sistem Pembesar Empat Lipatan
- B Perluasan kawasan empayar
- C Pembentukan Majlis Syura
- D Amalan institusi kesultanan

- 13 Pedagang Islam berjaya menarik minat penduduk tempatan di Asia Tenggara untuk mendalami ajaran Islam.
Bagaimanakah mereka dapat berbuat demikian?
- A Menulis kitab agama
 - B Mendirikan madrasah
 - C Mengamalkan sikap jujur
 - D Memuliakan kedudukan raja
- 14 Kedatangan Islam ke Asia Tenggara telah mengubah sistem pemerintahan dan pentadbiran.
Apakah bukti pernyataan di atas?
- I Wazir dilantik mentadbir wilayah
 - II Institusi kesultanan diperkenalkan
 - III Undang-undang syariah dilaksanakan
 - IV Jawatan tradisional dimansuhkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 15 Rajah 2 menunjukkan perubahan konsep dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 Masihi.



Rajah 2

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Perluasan wilayah
- B Perubahan pemimpin
- C Pengiktirafan kerajaan
- D Pengislaman pemerintah

16 Undang-undang berikut wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-Undang Laut Melaka

Apakah kepentingan undang-undang tersebut?

- I Menentukan struktur kerajaan
 - II Menetapkan sempadan wilayah
 - III Menyekat pengaruh budaya luar
 - IV Memajukan kegiatan perdagangan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 17 Apakah tujuan penjelajahan orang Eropah ke Asia pada abad ke-16?
- A Mengaut keuntungan
 - B Memperoleh hamba abdi
 - C Menyebarkan ilmu pengetahuan
 - D Memperkenalkan sistem pemerintahan
- 18 Jadual 2 menerangkan tentang seorang tokoh yang telah memperkenalkan satu sistem tanaman di Britain semasa Revolusi Pertanian.

Tokoh	Sumbangan
Lord Townshend	Memperkenalkan sistem penanaman secara bergilir


Jadual 2

Apakah kelebihan sistem tersebut?

- I Kesuburan tanah dikekalkan
 - II Penggunaan jentera digalakkan
 - III Tanaman yang sama diusahakan
 - IV Tanah digunakan sepanjang tahun
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

[Lihat halaman sebelah
 SULIT

- 19 Graf 1 menunjukkan pengeluaran bijih timah oleh pelombong Cina di Tanah Melayu pada abad ke-20.



Graf 1

Mengapakah pengeluaran tersebut merosot?

- A Imigran dihantar pulang
 - B Tenaga kerja mahir kurang
 - C Kapal korek diperkenalkan
 - D Cukai eksport meningkat
- 20 Pelombong Eropah menguasai perusahaan perlombongan bijih timah pada abad ke-20.

Mengapakah pelombong Eropah berjaya menguasai perusahaan tersebut?

- I Teknologi moden
 - II Sokongan pembesar
 - III Buruh mencukupi
 - IV Modal besar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 21 Penjajah Barat telah melaksanakan sistem birokrasi Barat di tanah jajahan mereka di Asia Tenggara.

Apakah ciri sistem birokrasi tersebut?


- A Pengekalan pemerintahan beraja
- B Pelantikan pembesar daerah
- C Pengenalan sistem ufti
- D Pentadbiran melalui biro

- 22 British telah memperkenalkan jawatan berikut di Tanah Melayu pada abad ke-19 dan awal abad ke-20.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Residen• Penasihat British |
|---|

Apakah persamaan tugas pegawai yang menjawat jawatan tersebut?

- A Menjaga kepentingan penduduk tempatan
 - B Menasihati sultan dalam pentadbiran
 - C Memperkukuh pentadbiran tradisional
 - D Melatih pembesar tempatan mentadbir
- 23 Rajah 3 menunjukkan perubahan corak gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.



Rajah 3

Mengapakah gerakan tersebut bercorak radikal pada tahap kedua?

- A Sokongan pemerintah tempatan
 - B Kekurangan sumber kewangan
 - C Sekatan pengaruh dari luar
 - D Perjuangan tidak berkesan
- 24 Bagaimanakah British menghalang Gerakan Islah di Negeri-Negeri Melayu pada awal abad ke-20?
- I Mengugut pemimpin
 - II Menyekat kegiatan dakwah
 - III Menghalang kemasukan risalah
 - IV Menyekat peluang belajar ke luar negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

25 Tokoh berikut telah berjuang menentang penjajah.

- Mat Salleh
- Dato' Bahaman

Mengapakah perjuangan mereka gagal?

- A Senjata tidak lengkap
- B Tenaga tentera kurang
- C Kemudahan asas kurang
- D Sokongan pembesar tidak cukup

26 Pada tahun 1911, Sultan Zainal Abidin III meluluskan perlembagaan yang dikenali sebagai Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu.

Mengapakah perlembagaan tersebut diluluskan?

- A Meluaskan wilayah pengaruh
- B Mengekalkan kedaulatan negeri
- C Membentuk kerajaan demokrasi
- D Mengukuhkan hubungan dengan Siam

27 Maklumat berikut merujuk kepada perlembagaan kerajaan Melayu.

- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor
- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu

Apakah persamaan kandungan kedua-dua perlembagaan tersebut?

- I Raja dipilih melalui sistem giliran
 - II Cukai tanah dikuatkuasakan
 - III Islam sebagai agama rasmi
 - IV Raja mesti berbangsa Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 28 Apakah hasrat British membentuk sebuah bangsa Malayan Union?
- A Menumpukan taat setia
 - B Menguatkan pasukan tentera
 - C Membantu dalam pentadbiran
 - D Membanteras ancaman komunis
- 29 Pada 8 Februari 1946, Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada British. Apakah kesan sekiranya penyerahan tersebut **tidak** dilaksanakan?
- A Kemasukan kaum imigran akan berterusan
 - B Pembentukan kerajaan sendiri menjadi kenyataan
 - C Pembubaran Majlis Mesyuarat Negeri dilaksanakan
 - D Hak istimewa penduduk peribumi terjejas
- 30 Pada bulan Februari 1952, UMNO Kuala Lumpur dan MCA telah menjalin kerjasama dalam bidang politik. Apakah kesan kerjasama tersebut terhadap UMNO dan MCA?
- A Ditentang hebat oleh Parti Kemerdekaan Malaya
 - B Mendapat bantuan kewangan daripada British
 - C Gagal mendapat sokongan semua kaum
 - D Menang dalam pilihan raya majlis perbandaran
- 31 Apakah faktor yang menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Kekuatan perpaduan orang Melayu
 - B Pertambahan bilangan kaum imigran
 - C Memenuhi desakan orang dagang
 - D Akur tuntutan golongan radikal

{Lihat halaman sebelah
SULIT

- 32 Jadual 3 menerangkan tentang hubungan tegang antara Malaysia dengan Indonesia.

Tarikh	20 Januari 1963
Peristiwa	Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia
Kempen	Ganyang Malaysia

Jadual 3

Apakah tindakan Indonesia semasa peristiwa tersebut?

- I Menceroboh ruang udara
 - II Menghantar bantahan rasmi
 - III Melancarkan pemberontakan
 - IV Menyerang kapal-kapal nelayan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 33 Jadual 4 berkaitan dengan perkembangan politik di Singapura.

Tahun	Peristiwa
1959	Lee Kuan Yew mencadangkan supaya Singapura digabungkan dengan Tanah Melayu

Jadual 4

Mengapakah Lee Kuan Yew membuat cadangan tersebut?

- A Mengawal kemasukan imigran
- B Melemahkan parti berhaluan kiri
- C Memperkukuh semangat setia kawan
- D Mengamalkan konsep pengagihan kuasa

- 34 Apakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia?
- A Membubarkan Parlimen
 - B Menggubal undang-undang
 - C Memilih ahli Dewan Rakyat
 - D Menetapkan tarikh pilihan raya
- 35 Apakah syarat untuk menjadi Ahli Dewan Negara dalam sistem pemerintahan di Malaysia?
- A Menang dalam pilihan raya
 - B Aktif dalam pertubuhan politik
 - C Berumur sekurang-kurangnya 21 tahun
 - D Cemerlang dalam perkhidmatan awam
- 36 Mengapakah Majlis Perundingan Negara mengisytiharkan Rukun Negara pada 31 Ogos 1970?
- A Menyusun semula masyarakat
 - B Memperkukuh perpaduan rakyat
 - C Meningkatkan kemajuan ekonomi
 - D Memartabatkan bahasa kebangsaan
- 37 Pernyataan berikut adalah cabaran kelapan Wawasan 2020.

Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya
--

Bagaimanakah cabaran tersebut dapat dipenuhi oleh kerajaan?

- A Kekayaan negara dikongsi bersama
 - B Pelaburan asing dipertingkatkan
 - C Memantapkan jati diri rakyat
 - D Membangunkan modal insan
- 38 Perang Dunia Pertama tercetus di Eropah mulai tahun 1914 hingga tahun 1918. Mengapakah Amerika Syarikat turut terlibat dalam perang tersebut?
- A Menguji senjata
 - B Permintaan Britain
 - C Mempertahankan Serbia
 - D Menyekat ideologi komunis

39 Blok dunia berikut terbentuk semasa Perang Dingin.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Blok kapitalis• Blok komunis |
|---|

Apakah ciri blok kapitalis?

- I Mengamalkan pemerintahan demokratik
 - II Mengamalkan sistem satu parti
 - III Memiliknegarakan perniagaan
 - IV Menjamin kebebasan individu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 40 Deklarasi Langkawi dihasilkan dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Kuala Lumpur pada tahun 1989.
- Apakah persetujuan yang dicapai dalam deklarasi tersebut?
- A Penyelarasan bantuan teknikal
 - B Menyediakan dana pendidikan
 - C Mengatasi masalah pencemaran
 - D Membanteras penyalahgunaan dadah

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

1249/2

SEJARAH

Kertas 2

Nov./Dis.

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan tiga soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas Peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT




Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1 Peta 1 menunjukkan lokasi bandar-bandar terancang dalam tamadun Indus.



Peta 1

(a) Apakah bandar X dan Y?

X:

Y:

[2 markah]

(b) Nyatakan **dua** keistimewaan bandar-bandar tersebut.

1.

2.

[2 markah]

(c) Berdasarkan kajian anda, mengapakah masyarakat Indus berjaya membina bandar terancang terawal di dunia?

.....
.....

[2 markah]

(d) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kemajuan dan kecemerlangan tamadun Indus.

.....
.....

[2 markah]

(e) Terangkan ciri bandar moden yang anda idamkan.

.....
.....

[2 markah]

2 Masyarakat Arab sebelum Islam dikenali sebagai masyarakat jahiliah.

(a) Apakah maksud jahiliah?

.....
[1 markah]

(b) Pada pendapat anda, mengapakah Zaman Jahiliah dianggap sebagai zaman kegelapan?

.....
.....
.....
.....
[3 markah]

(c) Nyatakan **tiga** kesan sekiranya masyarakat Malaysia mengamalkan amalan jahiliah.

1.
.....
 2.
.....
 3.
.....
- [3 markah]

(d) Cadangkan **tiga** langkah yang berkesan untuk membasmi sifat jahiliah dalam kalangan masyarakat moden pada hari ini.

1.
.....
 2.
.....
 3.
.....
- [3 markah]

3 Idea Pan-Islamisme sedunia telah membawa kepada kemunculan Gerakan Islah di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

(a) Apakah maksud Gerakan Islah?

.....
.....
[2 markah]

(b) Namakan **dua** orang tokoh gerakan tersebut.

1.
2.
[2 markah]

(c) Jelaskan saranan Gerakan Islah terhadap orang Melayu.

.....
.....
[2 markah]

(d) Jelaskan halangan yang dihadapi oleh Gerakan Islah.

.....
.....
[2 markah]

(e) Gerakan Islah sepatutnya disokong oleh orang Melayu. Berikan alasan anda untuk menyokong pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
[2 markah]

4 Pernyataan berikut menerangkan kedudukan bahasa Melayu dalam perlembagaan negara.

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah memperuntukkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

(a) Senaraikan **tiga** langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

- 1.
- 2.
- 3.

[3 markah]

(b) Pada pandangan anda mengapakah kita perlu memartabatkan bahasa kebangsaan?

-
-
-
-

[2 markah]

(c) Pada pandangan anda, mengapakah penguasaan bahasa kebangsaan masih kurang diyakini dalam kalangan segelintir masyarakat kita?

-
-

[2 markah]

(d) Berikan **tiga** cadangan anda untuk memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat masa kini.

- 1.
- 2.
- 3.

[3 markah]

Bahagian B

[60 markah]


Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.

- 5 Kerajaan Kedah Tua yang muncul pada abad ke-5 hingga abad ke-13 Masihi merupakan kerajaan maritim yang terunggul di Asia Tenggara.
- (a) Jelaskan ciri kerajaan maritim. [4 markah]
- (b) Mengapakah kerajaan Kedah Tua berkembang maju sebagai sebuah kerajaan maritim? [4 markah]
- (c) (i) Apakah manfaat yang diperoleh sekiranya Malaysia menjadi sebuah kuasa maritim yang unggul? [6 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha yang perlu dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah kuasa maritim yang maju? [6 markah]
- 6 Peristiwa pembukaan semula kota Makkah berlaku pada tahun 630 Masihi bersamaan tahun 8 Hijrah.
- (a) Mengapakah Nabi Muhammad SAW membuka semula kota tersebut? [4 markah]
- (b) Pada pandangan anda, mengapakah kota Makkah berjaya dibuka dengan mudah? [4 markah]
- (c) (i) Jelaskan kesan pembukaan semula kota Makkah terhadap perkembangan Islam. [6 markah]
- (ii) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan Nabi Muhammad SAW membuka semula Kota Makkah tanpa pertumpahan darah. [6 markah]

- 7 Pentadbiran British di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah sejak abad ke-19 telah membawa perubahan dalam sistem pemilikan dan penggunaan tanah.
- (a) Terangkan tindakan British untuk mengubah sistem pemilikan dan penggunaan tanah di negara kita. [8 markah]
- (b) Jelaskan muslihat British mengubah sistem pemilikan dan penggunaan tanah. [6 markah]
- (c) Sekiranya anda sebagai pemimpin masyarakat tempatan pada waktu itu, bagaimanakah anda mempertahankan tanah hak milik masyarakat tempatan? [6 markah]
- 8 Negara-negara Asia Tenggara telah mengalami perubahan pentadbiran setelah kedatangan imperialis Barat dengan pengenalan sistem birokrasi Barat sejak abad ke-19.
- (a) Terangkan ciri sistem birokrasi Barat tersebut. [4 markah]
- (b) Terangkan kesan pengenalan sistem birokrasi Barat terhadap penduduk tempatan di Asia Tenggara sebelum mencapai kemerdekaan. [4 markah]
- (c) (i) Pada pendapat anda, apakah kesan sekiranya sistem birokrasi Barat tidak dilaksanakan di Asia Tenggara? [6 markah]
- (ii) Sebagai pemimpin, apakah yang akan anda lakukan untuk mewujudkan sistem birokrasi yang berkesan di negara kita? [6 markah]
- 9 (a) Jelaskan ciri prinsip demokrasi yang diamalkan di Negeri Sembilan sebelum kedatangan penjajah Barat. [4 markah]
- (b) Jelaskan sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia sekarang. [4 markah]
- (c) (i) Berdasarkan pengetahuan anda, terangkan kebaikan amalan demokrasi dalam sesebuah negara. [6 markah]
- (ii) Bagaimanakah sistem demokrasi di Malaysia dapat dikekalkan? [6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

10 Gambar 1 menunjukkan peristiwa Pengisytiharan Malaysia pada 16 September 1963.



Gambar 1

- (a) Jelaskan faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia. [4 markah]
- (b) Jelaskan reaksi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia. [4 markah]
- (c) (i) Kebijakanaksanaan pemimpin negara kita telah berjaya menangani cabaran yang dihadapi semasa pembentukan Malaysia. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [6 markah]
- (ii) Sebagai warganegara yang patriotik, apakah tanggungjawab anda untuk mengekalkan kedaulatan Malaysia? [6 markah]
- 11 (a) Jelaskan latar belakang pertubuhan Komanwel. [4 markah]
- (b) Jelaskan faedah yang diperolehi Malaysia sebagai negara anggota Komanwel. [4 markah]
- (c) (i) Pada pandangan anda, bagaimanakah negara anggota Komanwel dapat bergiat cergas setanding dengan pertubuhan dunia yang lain? [6 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia perlu menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara lain? [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT